

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

**KPM HARGAI KOMITMEN DAN INTEGRITI GURU,  
SANJUNG TINGGI SUMBANGAN WARGA PENDIDIK**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil serius satu laporan media baru-baru ini yang mengaitkan guru sebagai penjawat awam yang paling ramai memalsukan sijil cuti sakit (MC).

Dakwaan ini adalah tidak bertanggungjawab dan memberi persepsi negatif terhadap profesion keguruan. Pada waktu ini terdapat lebih 400,000 orang guru di seluruh negara yang menjalankan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan integriti.

Isu ini tidak sepatutnya berbangkit. Tatakelola penjawat awam sentiasa diberi perhatian bagi memastikan prestasi perkhidmatan terbaik untuk masyarakat. Kementerian juga mempunyai peraturan yang jelas bagi menangani isu tatatertib penjawat awam. Pemantauan dilaksanakan secara berterusan di setiap peringkat dan penjawat awam yang terlibat dalam sebarang salah laku akan dikenakan tindakan.

Kerajaan MADANI menghargai peranan penting guru membangunkan negara. Sebagai penghargaan kepada sumbangan guru, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam pada bulan Ogos lalu. KPM juga melaksanakan pelbagai usaha untuk memelihara kesejahteraan warga pendidik termasuk menerusi tujuh langkah bagi menangani beban tugas guru.

KPM tekad untuk terus memartabatkan profesi keguruan. Profesionalisme guru mendidik anak bangsa perlu disanjung tinggi oleh seluruh lapisan masyarakat.

**-TAMAT-**

**YB FADHLINA SIDEK**  
**MENTERI PENDIDIKAN**  
**4 OKTOBER 2024**